

21/08/2002

KL tuan rumah Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur

KUALA Lumpur akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur ke-11 pada 6 hingga 8 Oktober ini yang akan bertumpu kepada usaha memperbaharui asas pertumbuhan Asia selepas dilanda krisis ekonomi.

Persidangan itu, yang dianjurkan Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang berpangkalan di Switzerland, diadakan di Malaysia berikutan kebangkitan semula ekonomi Asia yang mencetuskan pelbagai perubahan berhubung hala tujunya.

Ia yang dianjurkan di bawah naungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan disokong penuh oleh kerajaan dan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Turut dijadualkan hadir ialah pemimpin negara Asia lain, termasuk Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; Presiden Sri Lanka, Chandrika Bandaranaike Kumaratunga dan Menteri Luar Australia, Alexander Downer.

Antara topik yang akan dibincangkan pada sidang kemuncak itu termasuk kewangan (pasaran modal, tadbir urus korporat, penyusunan semula bank dan modal teroka); teknologi maklumat (IT dan komunikasi 3G); perbandaran, daya saing sektoral termasuk pertanian, tenaga, ekonomi serantau serta geo-politik serantau.

Selain itu, inisiatif khusus dan pasukan petugas akan ditampilkan sepanjang sidang kemuncak itu termasuk Inisiatif Warga Korporat Global yang akan berbincang mengenai tanggungjawab syarikat dan eksekutif korporat di Asia kepada isu sosial.

Kenyataan Ketua Eksekutif Global yang dimeterai 38 ketua eksekutif juga akan dibentangkan yang menekankan kewarganegaraan korporat sebagai sebahagian cara syarikat melaksanakan perniagaan.

Antara inisiatif lain yang akan dibentangkan, termasuk Pasukan Petugas Perdagangan Pertanian, Inisiatif Peningkatan Perdagangan, Inisiatif Kesihatan Global serta Inisiatif Jurang Digital Global.

Turut akan diadakan ialah persidangan meja bulat di antara sektor perniagaan Asia dan ketua wakil kesatuan sekerja yang antara lain dijangka membincangkan mengenai piawai buruh Asia dalam kilang dan pejabat.